

06 JUN 2000

Aeroangkasa/I

MALAYSIA HENDAK JADI PENGELUAR KOMPONEN AEROANGKASA UTAMA

Oleh: Ghazemy Mahmud

NAGOYA, 6 Jun (Bernama) -- Malaysia kini bersedia untuk menjadi pengeluar komponen aeroangkasa dalam tempoh lima tahun yang akan datang dan merebut sebahagian besar peluang daripada perniagaan teknologi tinggi, kata pengarah urusan kumpulan SME Industries, Tan Sri Ahmad Johan hari ini.

Beliau berkata industri itu akan mara lebih jauh ke hadapan apabila SME Aerospace (SMEA), anak syarikat kumpulan tersebut, memuktamadkan kontrak bernilai RM200 juta untuk mengeluarkan bahagian-bahagian Boeing 767 bagi industri aeroangkasa antarabangsa utama menjelang akhir bulan ini.

Ahmad, yang juga presiden Airod, berkata kontrak tujuh tahun ini akan mendapat rangsangan dalam beberapa bulan yang akan datang oleh kontrak pengeluaran lain bernilai RM700 juta dalam syarikat yang sama berpangkalan di United Kingdom.

"Jika rundingan berjalan lancar, tugas ini yang membabitkan pembinaan struktur sayap pesawat reka bentuk baru, akan menjadi satu daripada yang terbesar yang diusahakan oleh SMEA," katanya dalam taklimat kepada pegawai-pegawai Yamazaki Mazak Corporation di sini.

Taklimat itu dibuat menjelang kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini esok untuk memulakan lawatan bekerja selama seminggu di Jepun.

Selepas tiba dari Kuala Lumpur, Dr Mahathir akan melawat kemudahan siber berteknologi tinggi Mazak di sini di mana beliau dijadualkan menyaksikan permeterian perjanjian bagi SMEA untuk mendapatkan mesin perkakasan berkomputer bagi pengeluaran bahagian-bahagian pesawat.

Ini bukanlah kali pertama syarikat Malaysia mengeluarkan bahagian-bahagian mesin pesawat kerana ia telah mengeluarkan komponen bagi pesawat Boeing 757 dan 767 di bawah kontrak lebih kecil dengan Shinmaywa dari Japan dua tahun lalu.

Bagi projek sayap, Ahmad berkata, "SMEA adalah syarikat utama di kalangan lima negara pengeluar komponen yang dipilih oleh pengeluar rangka udara UK."

Langkah memasuki industri aeroangkasa secara komersil adalah cetusan idea daripada Dr Mahathir, katanya, yang bermula kira-kira 15 tahun lalu dengan penswastaan Airod, kemudahan penyelenggaraan pesawat milik kerajaan.

Dengan kejayaan penyusunan semula industri aeroangkasa Malaysia baru-baru ini, Ahmad berkata "kita telahpun memiliki kemahiran dan akan bergerak ke arah tahap teknologi yang lebih tinggi.

"Kita mempunyai teknologi terbaik, pekerja berkemahiran tinggi yang boleh berbahasa Inggeris dengan baik dalam bidang ini, pengeluaran dengan kos rendah dan keadaan politik yang stabil."

Dr Mahathir adalah pendokong utama pemindahan dan pemilikan teknologi tinggi bagi pembangunan asli tempatan yang mencakupi keseluruhan aeroangkasa, teknologi maklumat dan multimedia untuk menggerakkan pembangunan Malaysia maju lebih jauh ke hadapan.

Sepanjang kunjungan beliau ke sini, Dr Mahathir akan melawat kilang teknologi tinggi syarikat multinasional lain di Tokyo dan beberapa tempat lain.

Mesin perkakasan dianggap sebagai "mesin induk" dan adalah kunci utamakepada mana-mana industri berteknologi tinggi kerana ia digunakan untuk membuat bahagian-bahagian dan acuan tepat yang digunakan untuk membuat pelbagai produk.

Naib presiden Mazak Tony Yamazaki dalam satu temubual di sini berkata beliau mahu kerjasama dalam teknologi dengan Malaysia dipertingkatkan di masa-masa yang akan datang terutama dengan suasana peningkatan berterusan ekonomi negara selepas pulih daripada krisis kewangan baru-baru ini.

--BERNAMA

GM ZK